

18 JAN 1999

Megat-Jawatankuasa

JAWATANKUASA PENGURUSAN KRISIS KEKAL SEBAGAI BADAN TETAP

TELUK INTAN, 18 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa pengurusan krisis, yang ditubuhkan pada bulan November tahun lepas untuk mengawal selia pengedaran barangan keperluan sempena musim perayaan agar terkawal, akan dikekalkan sebagai satu badan tetap.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata jawatankuasa itu perlu bagi memastikan penawaran dan permintaan bekalan barangan perlu di negara ini sentiasa seimbang dan mencukupi.

Jawatankuasa itu, yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian Datuk Zainuddin Bahari dan dianggotai oleh semua ketua bahagian di bawah kementerian itu, telah diberikan tanggungjawab untuk mengumpul maklumat mengenai keperluan barangan di peringkat daerah setiap minggu.

"Bagaimanapun setelah musim perayaan, mereka hanya perlu memberikan maklumat sekali sebulan bagi memudahkan kerajaan mengenalpasti jika terdapat masalah bekalan keperluan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk Kampung Buaya, Seberang Perak dekat sini malam tadi.

Turut hadir isterinya Datin Faezah Datuk Shuib yang turut menyampaikan sumbangan Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) kepada penduduk kampung yang kurang berkemampuan.

Megat Junid berkata daripada maklumat yang diperolehi oleh jawatankuasa itu, kementerian dapat mengenalpasti masalah sebenar kekurangan keperluan.

Contohnya, pada tahun lepas masalah kekurangan gula adalah masalah kekurangan pembekalan sebenar, manakala masalah kekurangan minyak masak dan kelapa tahun ini adalah kerana masalah logistik, katanya.

Beliau berkata dengan adanya maklumat seperti ini, kerajaan dapat menangani masalah tersebut dengan secepat mungkin, dan juga dapat memastikan masalah kekurangan bekalan tidak lagi berulang seperti yang dialami pada tahun-tahun sebelumnya terutama pada hari perayaan.

Selain itu, kerajaan kini sedang memberikan penekanan untuk mengeluarkan barangan keperluan yang diimport seperti ubi kentang, bawang, cili dan tomato secara menanamnya di dalam negara, katanya.

Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberi penekanan kepada isu tersebut, dan dengan adanya pengeluaran tempatan, masalah pergantungan kepada bekalan itu dari luar dapat dikurangkan pada tahun depan, katanya.

-- BERNAMA.

HK zb